

Rakyat setia mesti terima segala^(P) keadaan — Dr. M.

UM 24 MAY 1982

KUALA LUMPUR 23 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa mereka yang benar-benar hendak menjadi rakyat yang taat setia mestilah menerima segala keadaan yang wujud termasuk yang tidak menyenangkan hati.

Beliau menegaskan tidak ada negara dalam dunia ini yang boleh memberikan semua yang dikehendaki oleh rakyatnya.

“Dan tidak ada negara dalam dunia ini yang tidak mengenakan peraturan tertentu dalam pemerintahannya,” katanya.

Berucap merasmikan persidangan pengerusi dan setiausaha semua bahagian dan cawangan MCA di ibu pejabatnya di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

“Mereka yang lari meninggalkan negara ini semata-mata rasa tidak puas hati akibat gagal mendapat sesuatu yang mereka kehendaki, bukanlah rakyat yang taat setia.”

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad juga menegaskan, Barisan Nasional tidak mampu mempunyai para pemimpin yang hanya tahu menyampaikan tuntutan pengikut masing-masing sahaja setelah menerima tekanan dari mereka.

Katanya, apa yang

dijadikan ialah pemimpin yang sedia menghadapi rakyat dan memberitahu mereka mengapa setengah-setengah tuntutan tidak dapat dipenuhi atau mengapa ia terpaksa dilaksanakan lambat.

Perdana Menteri menambah, para pemimpin yang menerima bulat-bulat desakan rakyat adalah tidak ubah seperti alat saluran semata-mata.

“Mereka ini bukanlah pemimpin dalam erti kata yang sebenar, tetapi hanyalah saluran penyampaian seperti seorang posmen,” katanya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, pemimpin yang tulen serta bertanggungjawab adalah mereka yang menimbang dengan teliti setiap desakan rakyat dan memberikan penjelasan kepada mereka mengenai desakan yang dikemukakan.

“Mereka perlu menjelaskan sama ada desakan itu wajar dilaksanakan atau sebaliknya atau sama ada desakan itu perlu mengambil masa untuk dilaksanakan atau

hanya boleh dilaksanakan secara sederhana sahaja,” katanya.

Dalam hubungan ini beliau mengingatkan semua pihak jangan cuba membangkitkan perkara-perkara yang boleh menjadi isu dan menyentuh sesuatu golongan tertentu.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, usaha hendaklah dibuat untuk mengukuh dan mengeratkan lagi kerjasama berbagai kaum di negara ini untuk mencapai kejayaan bersama dalam berbagai bidang.

Menurut beliau, kejayaan yang telah dicapai selama ini adalah hasil wujudnya kerjasama parti-parti politik dan rakyat berbagai kaum di negara ini.

“Jika kita tidak bekerjasama, kejayaan ini tidak akan kita capai dan kerana itulah setiap orang mesti berusaha mencari jalan mengeratkan lagi kerjasama yang wujud itu,” kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau juga menyebut pentingnya wujud rasa harmoni dan perpaduan dalam usaha mencapai hasrat kerjasama lebih erat itu, sesuatu yang dipelajari selepas kejadian 13 Mei 1969.

Menurutnya, proses memupuk perpaduan memang mengambil masa yang lama dan kerana itu usaha bersungguh-sungguh hendaklah dimulakan dari sekarang bagi memupuk harmoni di kalangan berbagai kaum di negara ini.

“Bila matlamat ini telah berjaya kita capai, Malaysia dan rakyatnya akan dipandang tinggi oleh negara-negara lain dan kita boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan mereka,” kata Perdana Menteri.

Bila keadaan ini wujud, kata beliau, rakyat Malaysia akan berbangga dengan negaranya dan tidak akan lari ke negara lain meneruskan kehidupan.

Perdana Menteri berkata memang menjadi hasrat kerajaan memper-

baiki jentera pentadbirannya ke tahap terbaik yang mungkin demi untuk tidak mengecewakan harapan tinggi yang telah diberikan oleh rakyat dalam pilihanraya lalu.

“Jentera pentadbiran yang ada sekarang adalah baik dan tidak memerlukan sebarang perubahan besar yang mendadak,” kata beliau.

Mengenai kerjasama politik, beliau memberitahu, parti-parti politik di Malaysia yang pada asasnya adalah parti perkumpulan memerlukan sokongan di antara satu sama lain.

Tidak ada satu parti yang boleh mengatakan ia tidak memerlukan pertolongan parti lain kerana masanya masih belum tiba untuk mewujudkan parti bukan perkumpulan (non-communal) di negara ini,” kata Perdana Menteri.

Menurutnya, kerjasama antara parti ini seperti yang ditunjukkan pada pilihanraya lalu terbukti menghasilkan kejayaan dan kerjasama ini diteruskan di peringkat kerajaan bagi meneruskan lagi kerjasama itu untuk kepentingan negara dan rakyat.

Kepada MCA, Perdana Menteri berharap ia akan terus kukuh dan meneruskan kerjasama yang ada sekarang demi memastikan kestabilan politik negara terus dipertahankan.

Beliau mengingatkan, MCA sebagai anggota kerajaan, mempunyai tanggungjawab terhadap kejayaan, kemakmuran dan kestabilan negara, bukan seperti parti pembangkang yang hanya tahu mengkritik tetapi tidak boleh berbuat apa-apa.